

## **BAB 6**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **6.1 Pengenalan**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kelas-kelas kata bahasa Inggeris yang telah dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia di samping membincangkan ciri-ciri linguistik item leksis bahasa Inggeris. Selain itu, pengkaji mengkaji faktor-faktor kewujudan item leksis bahasa Inggeris berdasarkan kepada data-data kajian yang dikumpulkan. Akhir sekali, pengkaji mengkaji maklum balas pelajar-pelajar sekolah menengah dan editor serta penulis berita hiburan akhbar bahasa Cina terhadap percampuran item-item leksis bahasa Inggeris secara langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

#### **6.2 Kesimpulan bagi Dapatan Kajian**

Pengkaji mendapati bahawa item-item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia dapat dibahagikan kepada 12 kelas kata, iaitu kata nama am, kata nama khas, kata adjektif, kata kerja, kata adverba, kata awalan bilangan, kata meminta diri, kata seru, kata penafi, kata halus, kata pembenar dan kata ganda. Antara kelas kata tersebut, kata nama am (56.43%) merupakan kelas kata yang paling banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina, diikuti dengan kata nama khas (20.42%), kata adjektif (13.64%) dan kata kerja (7.56%). Kelas kata adverba, kata awalan bilangan, kata meminta diri, kata seru, kata penafi, kata meminta

maaf, kata pembenar dan kata ganda hanya membentuk 1.96% iaitu merupakan item leksis bahasa Inggeris yang paling kurang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Berikut ialah kesimpulan mengenai dapatan utama kajian ini:

1. Daripada item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan, pengkaji mendapati “*fans*” paling banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia diikuti dengan “*high*”. Kata bahasa Inggeris “*fans*” yang membawa maksud “peminat” mempunyai perkaitan rapat dengan artis-artis, manakala “*high*” pula digunakan untuk menunjukkan perasaan yang menyeronokkan dalam persembahan seseorang artis. Kata nama bahasa Inggeris “*MV*” dan “*DVD*” ialah alat elektronik yang digunakan untuk merakam persembahan artis-artis popular. Kata bahasa Inggeris “*shopping*” dan “*blog*” digunakan untuk menunjukkan aktiviti artis. “*Rain*” dan “*Eason*” ialah artis-artis popular dalam bidang hiburan.

2. Terdapat item leksis yang bertukar fungsi tatabahasanya dari kata nama kepada kata adjektif dan seterusnya mempengaruhi maknanya, misalnya kata nama bahasa Inggeris “*man*” dan “*friend*”. Item leksis bahasa Inggeris “*man*” pada asalnya hanya berfungsi sebagai kata nama am tetapi dalam konteks kajian ini, ia berfungsi sebagai kata adjektif yang membawa makna “bersifat kelelakian”. Begitu juga bagi item leksis “*friend*” yang mempunyai fungsi kata nama am dan kata adjektif yang menyifatkan persahabatan yang erat.

3. Banyak kata nama khas tidak boleh diterjemahkan secara fonologi ke dalam bahasa Cina, iaitu “*Brittany*”, “*Jeff*” nama bagi orang, “*Twins*” dan “*North*” nama bagi kumpulan muzik. Kebanyakan berita hiburan dalam akhbar bahasa Cina adalah dimuatturunkan dari

internet dari Hong Kong dan Taiwan lalu diubahsuaikan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Artis-artis dari Hong Kong dan Taiwan biasa mencampurkan item-item lexis dalam pertuturan mereka. Justeru, fenomena percampuran kod ini telah terbawa-bawa ke dalam bahasa penulisan berita hiburan di Malaysia. Justeru, kata-kata bahasa Inggeris telah dicampurkan secara langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

4. Banyak kata nama am bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan sebenarnya mempunyai versi dalam bahasa Cina tetapi tidak digunakan, misalnya “*canteen*”, “*concert*”, “*bonus*”, dan “*fans*”. Bahasa Inggeris yang berprestij tinggi telah mendorong kebanyakan pemuda-pemudi zaman sekarang mencampurkan kata-kata bahasa Inggeris ke dalam pertuturan mereka untuk meninggikan status sosial mereka. Justeru, pengguna bahasa gemar mencampurkan kata-kata bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka kerana mereka hendak menonjolkan diri mereka individu yang berpelajaran.

5. Kata adjektif bahasa Inggeris yang berciri kemodenan dan keremajaan seperti “*high*”, “*cool*”, “*in*”, “*fit*”, dan “*hot*” yang singkat dan hanya mempunyai satu suku kata sahaja juga telah dicampurkan secara langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Kata adjektif bahasa Inggeris yang disisipkan seperti “*cool*”, “*high*”, “*sweet*” dan “*fit*” bukan sahaja singkat tetapi juga padat adalah sesuai dengan cita rasa kebanyakan pembaca akhbar yang muda yang mengagung-agungkan artis-artis popular. Justeru, percampuran kod tidak dapat dielakkan.

6. Item lexis bahasa Inggeris yang mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan untuk menjelaskan makna juga dicampurkan secara langsung ke dalam ayat berita hiburan

akhbar bahasa Cina. Misalnya, item leksis bahasa Inggeris, yakni “*partner*” dalam ayat berita hiburan mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan iaitu “拍档 *pāidàng*” untuk menjelaskan maknanya tetapi juga disisipkan langsung ke dalam ayat berita hiburan di Malaysia.

7. Kata-kata akronim bahasa Inggeris seperti “*MV*”, “*CD*”, “*VCD*”, dan “*EQ*” yang sangat singkat dan padat juga dikekalkan lalu disisipkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Menurut responden-responden yang ditemubual, item leksis yang telah disingkatkan lalu dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bertujuan untuk memenuhi kehendak pembaca akhbar iaitu menjimatkan masa. Tambahan pula, versi bahasa Cina item leksis ini adalah lebih panjang dan mengelirukan. Justeru, demi mengelakkan kekeliruan, penulis-penulis berita hiburan perlu mencampurkan kod secara langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

8. Kebanyakan kata nama khas bahasa Inggeris bagi artis-artis terkenal seperti “*Rain*”, “*Sammi*”, “*Gary*” dan “*Eason*” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina. Kata nama khas bahasa Inggeris bagi artis popurlar adalah lebih terkenal jika berbanding dengan nama mereka dalam bahasa Cina. Sekiranya versi bahasa Cina digunakan, ini akan menyebabkan kehilangan cita rasanya. Merujuk kepada responden soal selidik, jelas kelihatan percampuran kod dalam berita hiburan telah diterima oleh sebahagian besar daripada pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia.

9. Matlamat utama berita akhbar adalah membolehkan berita tentang artis, pelakon atau peristiwa dalam bidang hiburan disampaikan secara cepat, benar dan menarik kepada golongan pembaca. Justeru, kata singkatan bahasa Inggeris “*MV*”, “*CD*”, “*VCD*” dan

“EQ” telah menjadikan ayat berita hiburan kelihatan lebih ringkas, padat dan mudah difahami. Penduduk Malaysia yang bermultilingual dan kerap melakukan percampuran kod dalam kehidupan mereka juga merupakan sebab berlakunya fenomena percampuran kod dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Tambahan lagi, bahasa hiburan bukan laras bahasa formal, justeru ia membenarkan percampuran kod berlaku.

10. Item leksis bahasa Inggeris yang wujud bersama versi bahasa Cina sebagai penjelasan makna, di mana versi bahasa Cina ditulis dalam kurungan adalah sangat digalakkan kerana dengan berbuat sedemikian akan memudahkan pemahaman golongan pembaca. Ayat berita hiburan yang mudah akan menjimatkan masa golongan pembaca serta mengurangkan beban mereka.

### **6.3 Cadangan untuk Penyelidikan Lanjutan**

Kewujudan percampuran kod dalam berita hiburan telah menjadi satu kebiasaan bagi generasi muda pada zaman sekarang. Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting. Oleh sebab kesuntukan masa, pengkaji hanya mengkaji fenomena percampuran item-item leksis bahasa Inggeris ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Pengkaji mencadangkan penyelidik-penyelidik pada masa akan datang mengkaji fenomena percampuran item-item leksis dialek Kantonis dalam ayat berita hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina, di samping mengkaji ciri-ciri dari segi struktur linguistik bagi item-item dialek Kantonis yang dicampurkan serta faktor-faktor yang mengakibatkan kewujudan fenomena percampuran kod tersebut.